

## UPM disenarai 49 universiti terbaik Asia

**U**NIVERSITI Putra Malaysia (UPM) mencatat prestasi membanggakan apabila meraih kedudukan di tempat ke-49 dalam senarai universiti terbaik Asia berdasarkan penarafan QS Asia University Ranking 2016.

Lebih membanggakan, kejayaan itu menunjukkan bahawa UPM telah membuat lonjakan tertinggi antara kalangan universiti tempatan dalam senarai 100 buah universiti terbaik Asia iaitu meningkat sebanyak 17 anak tangga.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata, pencapaian memberangsangkan UPM pada tahun ini melepasi sasaran awal yang telah ditetapkan iaitu untuk mendapat tempat pada kedudukan ke-60 terbaik di Asia.

"Dengan lonjakan sebanyak 17 anak tangga berbanding tempat ke-66 pada tahun lepas, ia akan menguatkan lagi semangat warga kampus bagi meningkatkan kualiti pengajaran, pembelajaran dan

penyelidikan UPM.

"Pencapaian ini diharap dapat membantu melonjakkan lagi tahap kecemerlangan UPM yang pada akhirnya memberi sumbangan bermakna kepada kesejahteraan masyarakat dan kemajuan negara," katanya.

Selain pencapaian tersebut, UPM juga berjaya menempatkan diri pada kedudukan kedua terbaik Malaysia, kelima terbaik Asia Tenggara dan mencatat peningkatan dalam penarafan ini buat tahun ketiga berturut-turut sejak tahun 2014.

Prof. Aini berkata, UPM akan mempergiatkan inisiatif Putra Global supaya universiti itu dapat mencapai kedudukan antara 200 buah universiti terbaik dunia menjelang tahun 2020 selari dengan visinya iaitu ke arah universiti bereputasi antarabangsa.

Pada tahun ini katanya, QS telah memperkenalkan satu indikator baharu iaitu

*Staff with PhD* dan UPM berjaya mendapat skor tertinggi bagi indikator itu dalam kalangan 20 buah universiti Malaysia yang tersenarai.

Berdasarkan 10 indikator yang digunakan pakai QS, UPM berjaya meningkatkan skor dalam enam indikator iaitu *Faculty Student Ratio*, *Citations per Paper*, *Papers per Faculty*, *International Students*, *Inbound* dan *Outbound Exchange Students*.

Universiti Penyelidikan lain dalam senarai 100 terbaik ialah Universiti Malaya (UM) pada kedudukan ke-20 (tahun lalu 29), Universiti Sains Malaysia (USM) pada kedudukan ke-51 (berbanding 49 tahun lalu), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke-55 (tahun lalu 56) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ke-63 (tahun lalu 61).

QS Asia University Ranking ialah agensi beroperasi di United Kingdom yang membuat penarafan 350 buah universiti utama Asia.

